



**SIARAN AKHBAR**

**TAKLIMAT MENGENAI LAPORAN KREDIT AWDA  
AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM (AMBD)**

**PADA 20 RAMADHAN 1436H BERSAMAAN DENGAN 7 JULAI 2015M  
BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI DARUSSALAM**

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) melalui Unit Biro Kredit telah mengadakan dua sesi taklimat yang bertajuk “Laporan Kredit Awda” pada 20 Ramadhan 1436H bersamaan dengan 7 Julai 2015M di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Berakas.
2. Taklimat yang dihadiri oleh lebih daripada 200 orang pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya ini, antaranya, menyentuh mengenai fungsi dan tanggungjawab Biro Kredit serta memberi penerangan mengenai kegunaan laporan kredit dan maklumat-maklumat yang terkandung di dalamnya.
3. Taklimat ini merupakan salah satu program jerayawara anjuran Unit Biro Kredit dalam memberigakan perkhidmatan Biro Kredit, khususnya perkhidmatan *Self-Inquiry* yang mana telah mula dibukakan kepada orang ramai sejak bulan September tahun lepas. Dengan adanya perkhidmatan *Self-Inquiry* ini, ianya membolehkan mana-mana individu dan syarikat untuk mendapatkan laporan kredit masing-masing bagi menyemak maklumat-maklumat yang dilaporkan mengenai mereka ada betul dan terkemaskini.
4. Di samping memberikan taklimat tersebut, pihak Biro Kredit AMBD juga membukakan kaunter sementara perkhidmatan *Self-Inquiry* pada hari taklimat tersebut bagi mana-mana pegawai atau kakitangan yang berhasrat untuk mendapatkan laporan kredit masing-masing.
5. Biro Kredit telah beroperasi sejak 10 September 2012 dan adalah sebuah unit di bawah Jabatan Regulatori dan Penyeliaan AMBD. Semua bank-bank and syarikat-syarikat kewangan yang berlesen di Brunei serta tabung amanah Islam adalah ahli kepada Biro Kredit. Antara tugas dan tanggungjawab Biro Kredit adalah untuk mengumpul dan menyatukan maklumat fakta kredit peminjam individu dan entiti komersial dari ahli-ahlinya, yang mana maklumat kredit berkenaan disediakan dalam bentuk laporan kredit kepada ahli-ahlinya. Di samping itu, peminjam juga boleh melihat laporan kredit mereka sendiri bagi tujuan penyemakan. Laporan atau *Self-Inquiry Report (SIR)* tersebut boleh diperolehi di Pejabat Perkhidmatan Pelanggan Biro Kredit di Unit 1 Tingkat Bawah, Dar Takaful IBB Utama, Bandar Seri Begawan.
6. Bagi maklumat lanjut mengenai Biro Kredit, sila layari laman sesawang <http://www.ambd.gov.bn/birokredit> atau hantarkan emel kepada [birokredit@ambd.gov.bn](mailto:birokredit@ambd.gov.bn)

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 20 Ramadhan 1436 / 9 Julai 2015

Rujukan: AMBD/COMM/3